

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	12 JUNE 2017

# Nuzul al-Quran satukan umat Islam: Najib

BH - 12/6/2017  
Pg. 2

➔ Dasar, prinsip merentasi bidang utama kehidupan jadi pegangan supaya Islam tak dipandang negatif

**Oleh Fahmy Azril Rosli**  
fahmy.azril@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak mendoakan agar keberkatan Nuzul al-Quran yang disambut hari ini, akan menyatukan hati umat Islam negara ini, untuk menjadi ummah yang terbaik.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang komited dan progresif, sentiasa berusaha melunaskan pedoman Qurani supaya dapat dihayati oleh setiap umat Islam di negara ini.

Sehubungan itu, katanya, pelbagai dasar dan prinsip merentasi bidang utama kehidupan menjadi pegangan supaya Islam tidak disinonimkan dengan perkara negatif.

"Negara ini tidak hanya mementingkan pembangunan material, sebaliknya pembangunan modal insan yang turut menjadi keutamaan dan penentu sebenar di sebalik kemajuan ekonomi dan sosial

yang zahir.

"Semua ini harus ditekuni sebagai manifestasi penghayatan ajaran al-Quran yang menganjurkan kemakmuran bersepadu duniawi dan ukhrawi," katanya menerusi catatan dalam blog [www.najibrazak.com](http://www.najibrazak.com) sempena sambutan Nuzul al-Quran hari ini.

Mengambil contoh penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran peringkat Antarabangsa Ke-59 baru-baru ini, Perdana Menteri berkata, ia menjadi bukti kepada kematangan dan kemampuan Malaysia untuk menerapkan nilai Qurani di dalam jiwa setiap rakyat Malaysia.

## Al-Quran pelindung diri

"Al-Quran akan menjadi pelindung diri bagi sesiapa saja yang membacanya, memahami serta mengamalkannya di dalam kehidupan seharian.

"Melalui pelbagai dasar dan prinsip yang kita pegang termasuk Indeks Syariah Malaysia dan konsep wasatiyyah (kesederhanaan) serta pelbagai inisiatif merentasi bidang utama kehidupan. Kita berharap agar Islam tidak disinonimkan de-



[FOTO BERNAMA]

**Najib diiringi Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani (kanan)** membeli juadah berbuka puasa ketika melakukan tinjauan mesra di Bazar Ramadan Jalan Raja Alang selepas menunaikan solat Asar di Masjid Jamek Kampung Bharu, semalam.

ngan perkara negatif sahaja.

"Malangnya, penghayatan kita terhadap kesucian dan keindahan hari-hari dalam Ramadan pada tahun ini sedikit diganggu oleh beberapa insiden pembunuhan dan keganasan yang zahirnya memabitkan orang Islam dan dibuat atas nama Islam," katanya.

Jika hal ini dibiarkan, Najib berkata ia sudah tentu menjejaskan imej ajaran al-Quran yang murni, sekali gus diselaputi persepsi negatif sambil menegaskan, hal itu amat bertentangan dengan ajaran kitab suci umat Islam yang berasaskan prinsip rahmat, kemanusiaan dan keadilan.

## Pertahan ketinggian al-Quran

Menyadari hakikat itu, Najib mengajak umat Islam mempertahankan ketinggian al-Quran dan ajarannya dengan menolak segala bentuk penyelewengan dan percubaan untuk mengaitkan Islam dengan keganasan dan ekstremisme.

Oleh itu, beliau mengajak umat Islam bersama menghiasi Ramadan dengan bertalaqqi, bertadarrus, mentadabbur serta mengam-



Melalui pelbagai dasar dan prinsip yang kita pegang termasuk Indeks Syariah Malaysia dan konsep wasatiyyah (kesederhanaan) serta pelbagai inisiatif merentasi bidang utama kehidupan. Kita berharap agar Islam tidak disinonimkan dengan perkara negatif sahaja"

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

bil manfaat dan pedoman sebanjaknya dari al-Quran yang menjadi kalam suci umat Islam.

Beliau mahu umat Islam menjadikan bulan yang penuh keberkatan ini sebagai bulan untuk kita memaknai hidup dengan al-Quran.

"Tanggal 17 Ramadan pada setiap tahun umat Islam di Malaysia akan menyambut satu daripada peristiwa penting yang berlaku dalam Ramadan iaitu peristiwa Nuzul al-Quran.

"Penurunan wahyu terakhir, iaitu al-Quran adalah bukti kasih sayang Allah SWT kepada makhluk ciptaan-Nya agar mereka mempunyai panduan dan neraca terbaik dalam mengatur kehidupan.

"Allah SWT telah berfirman di dalam Surah Al-Baqarah ayat ke 185 yang bermaksud : (masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah," katanya.